

**Rosmah Saksi Raptai Majlis Pembukaan PTIWRBNM
Bernama
02 Mei, 2012**

KUANTAN, 2 Mei (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor menyaksikan raptai penuh majlis pembukaan Program Tahunan Isteri Wakil-wakil Rakyat Barisan Nasional Malaysia (PTIWRBNM) di sini, Rabu malam.

Program tiga hari itu yang disertai oleh 560 isteri wakil rakyat BN dari 14 kontinjen, akan dirasmikan oleh Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, Khamis.

Dua acara sukan akan turut dipertandingkan iaitu badminton di Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang dan boling di Megalanes Mega Mall Kuantan.

Rosmah, yang juga Yang Dipertua Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI), akan mengambil bahagian dalam acara badminton manakala Isteri Timbalan Perdana Menteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman pula dalam acara boling.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak akan merasmikan majlis penutupan pada malam 5 Mei di Hotel Zenith, Kuantan.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=663379>